

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 39

RUANGAN : DALAM NEGERI



NOOR HISHAM ABDULLAH

Hamer Ginseng, Coffee Candy mengandungi racun

PUTRAJAYA 5 Sept. - Hasil analisis makmal mendapati produk Hamer Ginseng dan Coffee Candy mengandungi racun berjadual 'Nortadalafil' dan disahkan tidak berdaftar dengan Pihak Berkuaasa Kawalan Dadah (PBKD).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Nortadalafil adalah merupakan ubat terkawal yang digunakan untuk merawat masalah fungsi seksual lelaki (impotensi atau erectile dysfunction).

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan telah menge- san beberapa premis menjual produk berkenaan di sekitar Lembah Klang dan mereka yang mempunyai stok produk ini diminta menghentikan serta-merta semua penjualan, penge- daran atau penggunaannya.

"Semua pembekalan produk yang mengandungi racun berjadual adalah ter- takluk kepada Akta Racun 1952. Nortadalafil dikelas- kan sebagai Racun Kumpulan B di bawah Jadual Pertama Akta Racun 1952.

"Bagi pembekalan produk yang mengandungi racun Kumpulan B, ahli farmasi berlesen hanya boleh membekalkan produk tersebut (yang berdaftar dengan PBKD) kepada pesakit melalui pres- kripsi yang sah yang dikeluar- kan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar, Pengamal Pergigian Berdaftar atau Pegawai Veterinar," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Dr. Noor Hish- am, penggunaan Nortadala- fil tanpa pengawasan boleh menyebabkan kesan serius seperti pengurangan atau kehilangan penglihatan dan pendengaran, penurunan te- kanan darah sehingga ke per- ingkat yang berbahaya dan kesan terhadap sistem kar- diovaskular seperti strok dan serangan jantung yang boleh menyebabkan kematian.